




PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	19/8/2011

Tahukah Anda?



PERDANA Menteri adalah ketua pemerintahan Malaysia yang dilantik secara rasmi oleh Yang di-Pertuan Agong. Sejak kemerdekaan negara pada 1957, semua Perdana Menteri berasal dari UMNO, parti terbesar dalam Barisan Nasional (dikenali sebagai Perikatan hingga pilihan raya 1969).



Perdana Menteri Pertama,
Tunku Abdul Rahman
Putra Al-Haj
Bapa Kemerdekaan (1957-1970)

JASA Tunku Abdul Rahman yang tidak boleh dilupakan apabila beliau berjaya membawa kemerdekaan kepada negara tanpa sebarang pertumpahan darah. Beliau menjadi pemimpin Umno Malaysia Pertama.


Tunku juga membentuk Dasar Pelajaran Kebangsaan (1956), Dasar Kebudayaan dan Akta Bahasa Kebangsaan (1963/67) yang menandakan beliau mementingkan pendidikan anak bangsanya.



Perdana Menteri Kedua,
Tun Abdul Razak Dato' Hussein
Bapa Pembangunan
(1970-1976)

MENYEDARI ketegangan kaum berpunca masalah kemiskinan orang Melayu dan perpaduan kaum yang rapuh, beliau melancarkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Rukun Negara. Falsafah pembangunan DEB menekankan keseimbangan sosial dan ekonomi.

Abdul Razak juga mewujudkan pelan pembangunan melalui Rancangan Pembangunan Malaysia selama lima tahun.



Perdana Menteri Ketiga,
Tun Hussein Dato' Onn
Bapa Perpaduan
(1976-1981)

DENGAN agenda utamanya meneruskan pembangunan negara, beliau dikenang kerana jasanya menegakkan keadilan dan kejayaannya menarik pelabur luar yang menjadi penggerak perkembangan ekonomi negara.

Walaupun tempoh beliau menjadi Perdana Menteri agak pendek, tetapi Hussein dikenali sebagai pemimpin konsisten. Hussein meletak jawatan pada 16 Julai 1981 atas sebab kesihatan.



Perdana Menteri Keempat,
Tun Dr Mahathir Mohamad
Bapa Pemodenan
(1981-2003)

BELIAU Perdana Menteri paling lama iaitu 22 tahun. Pemimpin yang digelar Pencetus Minda Malaysia ke arah negara maju lantas menyuarakan pelbagai pendapat. Di bawah pemerintahannya, negara melalui proses pembangunan sehingga Malaysia dikenali di dunia.

Beliau tidak pernah jemu memperkenalkan pelbagai dasar serta projek pembangunan.



Perdana Menteri Kelima,
Tun Abdullah Ahmad Badawi
Bapa Pembangunan Modal Insan
(2003-2009)

SEPANJANG perkhidmatannya, beliau menyeliaikan pelaksanaan dasar Keislaman sejajar aliran semasa dan Dasar Pandang Ke Timur yang bertujuan menyemai etika kerja baik di kalangan tenaga kerja Malaysia.

Beliau memainkan fungsi penting program Dr Mahathir, termasuk kempen Kepimpinan Melalui Teladan, Dasar Pensiwaan dan memperbaiki perkhidmatan kaunter agensi kerajaan.



Perdana Menteri Keenam,
Datuk Seri Mubd Najib Abdul Razak
Bapa Transformasi
(2009-kini)

SELEPAS memegang jawatan Perdana Menteri keenam pada 3 April 2009 beliau melancarkan kempen 1Malaysia, sebuah gagasan menepati definisi setiap rakyat tanpa membezakan keturunan, agama dan latar belakang.

Konsep 1Malaysia bertujuan memupuk perpaduan matlamat yang menjadi keutamaan setiap Perdana Menteri sejak Almarhum Tunku Abdul Rahman.